

TARIKH	7 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	14	RUANGAN	Setempat

Jemaah jaga tertib di Tanah Suci

Nilai: Rakyat Malaysia yang menunaikan umrah atau ibadat haji diminta menjaga tertib supaya tidak mengganggu gugat suasana dan keselamatan di Arab Saudi khususnya dengan pergolakan di Mesir.

Sehubungan itu, jemaah Malaysia perlu mematuhi arahan Tabung Haji supaya pemantauan mudah dilaksanakan sepanjang mengerjakan ibadat di Tanah Suci.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, kerajaan Arab Saudi mengamalkan langkah berjaga-jaga supaya konflik yang berlaku di Mesir dan beberapa negara Arab tidak merebak.

"Khususnya apabila bulan Ramadan, bilangan jemaah umrah akan meningkat sama banyaknya seperti musim haji dan pada kali ini dijangka berkurangan kerana beberapa

kawasan di Masjidil Haram sedang melalui proses pembinaan dan baik pulih.

"Konflik di Mesir pula iaitu Arab Springs yang berjangkit ini berkembang dari Tunisia dan Syria. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) sentiasa mengikut perkembangan semasa yang berlaku di negara itu," katanya ketika sidang media selepas merasmikan Kursus Pengukuhan Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (PIHTAS) Musim Haji di sebuah hotel, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji (LTH) Datuk Paduka Ismee Ismail; Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji, Datuk Seri Hassan Ahmad dan Pengurus Besar Kanan Jabatan Haji, Datuk Syed Saleh Syed Abd Rahman.

Dalam pada itu, Jamil berkata keputusan sama ada membawa pulang kira-kira 12,000 pelajar dan rakyat Malaysia di Mesir hanya akan diputuskan oleh MKN dan Kementerian Luar.

"Sama ada bawa balik pelajar akan ditentukan MKN dan Kementerian Luar, kerana keperluan bergantung kepada tahap keganasan atau kegawatan keselamatan di Mesir. Sekarang baru peringkat tunjuk perasaan, Kementerian Luar menjelaskan rakyat Malaysia tak terjejas," katanya.

Sementara itu, seramai 75 pembimbing yang dilantik LTH menyertai PIHTAS yang berlangsung selama empat hari bermula 4 Julai lalu.

Jamil berkata, pembimbing perlu mendalami kehendak dan keperluan jemaah haji bukan saja dari sudut ibadah tetapi juga kebajikan.



JAMIL, sambil diiringi Ismee (kiri), bersalaman bersama peserta kursus di Nilai Spring Resort.

FOTO: IQMAL HAQIM ROSMAN